



**RUSLIN** menenangkan Alliamah yang sebak menerima Mykad pada usia 64 tahun di George Town semalam.

# Bayar RM5,000 bagi sekeping Mykad

**GEORGE TOWN** – Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendedahkan terdapat satu sindiket yang mengaku sebagai orang tengah agensi itu memperdaya orang ramai untuk mendapatkan Mykad dengan bayaran antara RM2,000 hingga RM5,000.

Ketua Pengarah JPN, Datuk Ruslin Jusoh berkata, pihaknya tidak pernah melantik mana-mana individu atau ejen untuk membantu orang awam melaksanakan proses pendaftaran dokumen bagi mendapat Mykad.

Katanya, mereka yang mempunyai anak tidak sah taraf merupakan paling ramai menjadi

mangsa penipuan sindiket tersebut.

“Sindiket tersebut tidak hanya menyasarkan orang kampung sahaja kerana ada antara mangsa yang tinggal di pusat bandar seperti di Pulau Pinang dan Lembah Klang.

“Ia berlaku disebabkan mangsa takut untuk berurusan dengan JPN atas alasan bimbang akan didakwa di mahkamah kerana mempunyai anak luar nikah. Ia tidak benar,” katanya.

Beliau ditemui selepas menyerahkan Mykad kepada warga emas, R. Alliamah, 64, di JPN Pulau Pinang di sini semalam.

Menurut Ruslin, JPN bukan sahaja akan cuba membantu mendapatkan dokumen untuk anak mereka, malah hanya mengenakan denda jika lambat mendaftar kelahiran.

“Mereka yang menjadi mangsa penipuan ejen tersebut diminta segera tampil bagi membuat laporan kepada pihak berkuasa agar perkara itu dapat dibendung,” katanya.

Dalam pada itu, katanya lagi, JPN juga mempunyai pasukan khas menerusi program Menyemai Kasih Rakyat untuk membantu orang ramai mendapatkan Mykad.